

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.33 (8)

Tarikh : 16 Februari 2015

**Ketua Pengarang
Sinar Harian**

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN SINAR HARIAN BERTAJUK “BIMBANG DITUDUH WARGA ASING” BERTARIKH 9 FEBRUARI 2015 ISNIN– M.S: 44 (PERLIS)

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Encik Kosin Ibrahim yang mendakwa tidak memiliki Kad Pengenalan sejak 36 tahun.

3. Pihak JPN telah membuat lawatan ke rumah beliau pada 09.02.2015 (Isnin) jam 3.00 petang untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan aduan tersebut. Hasil dari lawatan didapati beliau hanya memiliki Sijil Kelahiran dan satu set borang permohonan daftar lewat Kad Pengenalan yang telah diisi lengkap tanpa diambil tindakan. Berdasarkan semakan rekod didapati beliau tidak pernah mengemukakan sebarang permohonan berkaitan Kad Pengenalan di mana-mana Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara.

4. Sehubungan dengan itu, wakil JPN telah memberi satu set borang daftar lewat Kad Pengenalan kepada beliau untuk diisi semula memandangkan terdapat maklumat yang perlu dikemaskini. Encik Kosin bin Ibrahim boleh mengemukakan borang yang telah diisi lengkap tersebut di mana-mana Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara berhampiran tempat tinggal beliau.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)